



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
(SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN)
SPBT BIL. 6/2019**

PELAKSANAAN KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kerajaan Negeri Selangor mengenai Pelaksanaan Kutipan Caj Beg Plastik melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Selangor amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan negatif terhadap alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negeri.
- 2.2 Jemaah Menteri telah meluluskan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030* pada 10 Oktober 2018 dan telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018 bertujuan menangani masalah alam sekitar khususnya berpunca dari pencemaran dari plastik sekali guna termasuklah beg plastik bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat.
- 2.3 Dasar ini menggariskan perancangan dan usaha kerajaan pusat ke arah sifar plastik sekali guna untuk persekitaran Malaysia yang bersih dan sihat menjelang tahun 2030. Pelaksanaan dasar ini selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena dan straw plastik melalui kempen-kempen yang telah dilancarkan.
- 2.4 Penggunaan beg plastik tanpa kawalan mampu memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. Beg plastik mengambil masa yang sangat lama untuk mereput sepenuhnya sebelum ia menjadi partikel halus. Beg plastik juga umumnya dihasilkan dari bahan kimia bertoksik yang mampu memudaratkan alam sekitar dan kesihatan. Justeru itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah diperkenalkan di Negeri Selangor sebagai salah satu usaha berterusan kerajaan Negeri Selangor dalam mengawal dan mengurangkan penggunaan beg plastik.
- 2.5 Kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor seawal Januari 2010 dengan pelaksanaan

pada hari terpilih iaitu setiap hari Sabtu. Kempen ini telah ditambah baik dengan pelaksanaan "Hari Tanpa Beg Plastik" selama 7 hari seminggu yang bermula mulai 1 Januari 2017. Kempen ini masih diteruskan di seluruh Negeri Selangor dengan pelaksanaan kutipan caj beg plastik oleh premis-premis perniagaan kepada pengguna beg plastik.

3. ARAHAN KERAJAAN NEGERI

3.1 Berdasarkan keputusan MMKN Bil. 33/2019 yang diadakan pada 13 November 2019 yang telah disahkan oleh MMKN ke 34/2019 yang diadakan pada 27 November 2019, Kerajaan Negeri telah bersetuju seperti berikut: -

3.1.1 Bersetuju dengan kaedah pelaksanaan Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor dan Garis Panduan berkaitan seperti berikut:-

- i. Semua premis perniagaan sedia ada dan baharu yang mempunyai lesen dari PBT serta menyediakan beg plastik kepada pengguna / pelanggan hendaklah berdaftar dengan PBT bagi Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor seperti berikut: -
 - a) Pasar raya besar (*Supermarket / Hypermarket*)
 - b) Pasar raya / pasar mini / kedai serbaneka / kedai rangkaian;
 - c) Restoran / kafeteria / kedai makan;
 - d) Farmasi / barangan kesihatan / penjagaan diri; dan
 - e) Lain-lain (selain (a) – (d); contoh: kedai aksesori / kedai pakaian, dll).

- ii. Premis perniagaan yang berdaftar tidak dibenarkan memberikan beg plastik secara percuma kepada pengguna;
- iii. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kutipan caj beg plastik di negeri Selangor tidak terpakai kepada: -
 - a) Para penjaja – termasuklah penjaja di pasar awam / pasar pagi / pasar malam / pasar basah;
- iv. Premis perniagaan yang berdaftar sahaja yang dibenarkan melaksanakan kutipan daripada pelanggan yang dibekalkan beg plastik oleh peniaga;
- v. Setiap PBT perlu meletakkan syarat lesen iaitu larangan penyediaan beg plastik secara percuma kepada pelanggan;
- vi. Setiap peniaga hendaklah mempamerkan Notis Pemberitahuan seperti di **LAMPIRAN 1** berhubung pelaksanaan kutipan caj beg plastik di kaunter atau bahagian yang mudah dilihat di premis perniagaan masing-masing;
- vii. Garis Panduan (Untuk Kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor) seperti di **LAMPIRAN 2** perlu digunakan oleh PBT dan pihak yang berkepentingan bagi panduan pentadbiran, pengurusan dan pelaksanaan bagi Program Kutipan Caj Beg Plastik;
- viii. Garis Panduan Pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor seperti di **LAMPIRAN 3** akan digunakan oleh para peniaga dan orang awam bagi panduan pelaksanaan kutipan ini;

- 3.1.2 Bersetuju dengan tarikh pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor bermula pada **1 Januari 2020**;
- 3.1.3 Bersetuju agar setiap PBT perlu meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma kepada pengguna / pelanggan dalam syarat-syarat lesen perniagaan di PBT masing-masing;
- 3.1.4 Bersetuju agar hebahan mengenai cadangan pelaksanaan Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor dihebahkan kepada orang awam melalui Khutbah Jumaat dan forum serta aktiviti yang lain;
- 3.1.5 Bersetuju agar setiap PBT melaksanakan hebahan dan promosi bagi pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor bagi memberikan maklumat kepada peniaga serta bagi tujuan pendidikan dan meningkatkan kesedaran awam;
- 3.1.6 Bersetuju agar setiap PBT mewujudkan Akaun Amanah yang dinamakan sebagai “AKAUN AMANAH KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK” dan hasil kutipan caj beg plastik hendaklah dimasukkan dan diuruskan ke dalam Akaun Amanah ini di PBT masing-masing;
- 3.1.7 Bersetuju dengan hasil serahan kutipan sebanyak **empat puluh peratus (40%)** untuk disalurkan ke dalam Akaun Amanah PBT masing-masing yang diwujudkan bagi maksud kutipan ini, manakala **enam puluh peratus (60%)** lagi diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk disalurkan ke dalam Akaun Amanah yang diwujudkan bagi maksud kutipan ini; dan

3.1.8 Bersetuju dengan cadangan kutipan caj beg plastik yang dikutip sebelum tarikh 1 Januari 2020 oleh premis perniagaan dibenarkan untuk digunakan bagi tujuan penganjuran program khidmat masyarakat atau alam sekitar oleh peniaga.

4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh **1 Januari 2020**.

5. PEMAKAIAN

5.1 Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk dalam pekeliling ini.

5.2 Pekeliling ini terpakai kepada semua premis perniagaan di seluruh Negeri Selangor melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)

D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh: 17 Disember 2019

s.k.: Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)



NOTIS PEMBERITAHUAN

Premis ini tidak membekalkan beg plastik sekali guna secara percuma. Pengguna digalakkan membawa sendiri beg guna semula.

(This premises do not supply a single-use plastic bag for free. Users are encouraged to bring their own reusable bag.)





GARIS PANDUAN PENTADBIRAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR

[UNTUK KEGUNAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR]

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan pengurusan bagi Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan kepada pihak yang berkaitan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pematuhan kepada semua premis perniagaan yang dikategorikan terlibat dengan pelaksanaan program tersebut. Tatacara ini juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepadu dan holistik.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Selangor amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan negatif terhadap alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negeri.
- 2.2 Jemaah Menteri telah meluluskan Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030 pada 10 Oktober 2018 dan telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018 bertujuan menangani masalah alam sekitar khususnya berpunca dari pencemaran dari plastik sekali guna termasuklah beg plastik bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat.
- 2.3 Dasar ini menggariskan perancangan dan usaha kerajaan pusat ke arah sifar plastik sekali guna untuk persekitaran Malaysia yang bersih dan sihat menjelang tahun 2030. Pelaksanaan dasar ini selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena dan straw plastik melalui kempen-kempen yang telah dilancarkan.
- 2.4 Penggunaan beg plastik tanpa kawalan mampu memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. Beg plastik mengambil masa yang sangat lama untuk mereput sepenuhnya sebelum ia menjadi partikel halus. Beg plastik juga umumnya dihasilkan dari bahan kimia bertoksik yang mampu memudaratkan alam sekitar dan kesihatan. Justeru itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah diperkenalkan di Negeri Selangor sebagai salah satu usaha berterusan kerajaan Negeri Selangor dalam mengawal dan mengurangkan penggunaan beg plastik.

- 2.5 Kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor seawal Januari 2010 dengan pelaksanaan pada hari terpilih iaitu setiap hari Sabtu. Kempen ini telah ditambah baik dengan pelaksanaan "Hari Tanpa Beg Plastik" selama 7 hari seminggu yang bermula mulai 1 Januari 2017. Kempen ini masih diteruskan di seluruh Negeri Selangor dengan pelaksanaan kutipan caj beg plastik oleh premis-premis perniagaan kepada pengguna beg plastik.
- 2.6 Penyediaan Garis Panduan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepadu dan holistik. Garis panduan yang disediakan akan berfungsi sebagai panduan dan rujukan bagi pelaksanaan kempen ini secara teratur dan seragam.
- 2.7 **OBJEKTIF**
Objektif utama pelaksanaan kutipan caj beg plastik melalui Program Kutipan Caj Beg Plastik Di Negeri Selangor adalah bertujuan:-
- (i) Mengurangkan penggunaan beg plastik melalui perwujudan premis-premis perniagaan yang tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna;
 - (ii) Meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan terhadap orang awam terhadap bahaya pencemaran bahan plastik serta menjadikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
 - (iii) Bagi mewujudkan Negeri Selangor yang bersih, sihat dan mesra alam sekitar.

3. KONSEP DAN PRINSIP

- 3.1 Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini akan menggunakan prinsip dan konsep yang masih mengekalkan kutipan RM0.20 sen bagi setiap unit beg plastik yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran premis-premis perniagaan yang ditetapkan. Jumlah kutipan beg plastik tersebut akan diserahkan oleh premis-premis perniagaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kutipan terkumpul seterusnya disalurkan ke Akaun Tabung Amanah Kerajaan Negeri Selangor dan Akaun Tabung Amanah yang ditetapkan di PBT masing-masing bagi kegunaan program-program berkaitan alam sekitar di negeri Selangor.

- 3.2 Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk beg yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran, di mana komponen asasnya diperbuat daripada plastik (polimer sintetik/semi sintetik) dan juga termasuk beg plastik bio-degradasi (*bio-degradable plastic bag*). **Plastik bagi pembungkusan (*wrapper*) produk minuman/makanan termasuklah bagi tujuan pembungkusan makanan basah (seperti ikan dan ayam) tidak termasuk sebagai kategori beg plastik yang dikenakan kutipan RM0.20 sen dalam pelaksanaan kutipan ini.**
- 3.3 Melalui pelaksanaan kutipan ini, pengguna adalah diberi kesedaran dan digalakkan untuk membawa beg sendiri ketika membeli belah bagi mengurangkan penggunaan beg plastik yang berisiko memberi kesan pencemaran alam sekitar. Premis-premis perniagaan juga digalakkan menggunakan beg yang diperbuat dari selain plastik seperti beg kertas.
- 3.4 Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan kepada pengguna adalah **tidak termasuk** di dalam nilai kutipan RM0.20 sen ini. Walau bagaimanapun, kutipan caj beg plastik ini **tidak dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)**.

4. PUNCA KUASA

- 4.1 Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini dilaksanakan melalui syarat tambahan yang dikenakan di dalam syarat lesen atau permit perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:-

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

- 4.2 Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mensyaratkan premis perniagaan supaya turut serta dalam Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor.
- 4.3 Setiap PBT perlu meletakkan syarat lesen iaitu larangan penyediaan beg plastik secara percuma kepada pelanggan.

5. KAEDAH PELAKSANAAN

5.1 PENDAFTARAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR

- (i) Semua PBT dikehendaki memasukkan pernyataan bahawa pemegang lesen dikehendaki mendaftar kepada Pihak Berkuasa Melesen (PBM) di bawah Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor dan dikehendaki menyerahkan kutipan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh PBT.
- (ii) Kategori premis perniagaan yang wajib berdaftar adalah seperti berikut:-
 - (a) Pasar raya besar (*Supermarket/Hypermarket*);
 - (b) Pasar raya / pasar mini / kedai serbaneka / kedai rangkaian;
 - (c) Restoran / kafeteria / kedai makan;
 - (d) Farmasi / barangan kesihatan / penjagaan diri; dan
 - (e) Lain-lain (contoh: kedai aksesori / kedai pakaian, dll).
- (iii) Premis perniagaan bagi kategori seperti di para 5.1 (ii) adalah wajib membuat pendaftaran Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor **melalui borang CPBP-A (rujuk Lampiran A)**. Bagi premis yang **tidak membekalkan beg plastik** dikehendaki memperakukannya melalui borang **CPBP-C (rujuk Lampiran D)**.
- (iv) Tempoh pendaftaran awal adalah bermula **1 Disember hingga 31 Disember 2019**. Notis peringatan akan dikeluarkan bagi pendaftaran yang lewat dan bagi premis yang masih belum berdaftar, tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan kerana ingkar arahan notis.
- (v) Bagi premis yang tidak berlesen dan ingin memohon lesen perniagaan, pendaftaran ini akan terus dilaksanakan semasa proses permohonan dibuat kepada PBT.
- (vi) Setiap pendaftaran perlu menggunakan Borang **CPBP-A** dan disertakan bersama sesalinan Lesen Perniagaan atau Borang Permohonan Lesen Perniagaan (untuk permohonan baru lesen perniagaan).
- (vii) Setiap premis perniagaan yang berdaftar akan diberikan nombor pendaftaran (**rujuk Lampiran F**) dan perlu digunakan sebagai rujukan

bagi setiap urusan yang melibatkan Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor.

- (viii) Nombor pendaftaran yang diberikan adalah **KEKAL** selagi premis perniagaan tersebut masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat semula sekiranya perniagaan berpindah tempat.
- (ix) Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan satu sijil penyertaan Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor (**SIJIL CPBP-1, rujuk Lampiran B**) yang menghendaki premis perniagaan membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap unit beg plastik yang dibekalkan di kaunter bayaran kepada pengguna.
- (x) Sijil penyertaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor adalah eksklusif kepada satu-satu premis perniagaan sahaja dan tidak boleh dipinjam atau dipindah milik kepada mana-mana perniagaan atau premis lain.
- (xi) Sijil Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor **WAJIB** dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat oleh pengguna/pelanggan sebagai bukti kebenaran untuk membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap unit beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna/pelanggan.
- (xii) Premis perniagaan yang membuat kutipan tanpa berdaftar dengan PBT boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana lesen perniagaan premis tersebut boleh dibatalkan.
- (xiii) Pendaftaran ini hendaklah diselaraskan bersekali dengan tempoh lesen perniagaan dan hendaklah diperbaharui setiap kali tamat tempoh lesen.
- (xiv) Setiap premis yang berdaftar dengan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor hendaklah memaparkan **Notis Pemberitahuan (Rujuk Lampiran H)** di kaunter premis masing-masing bagi memberi maklumat kepada pelanggan /pengguna mengenai kutipan ini.

5.2 KAEDAH PELAKSANAAN KUTIPAN

- (i) Setiap premis perniagaan yang telah berdaftar di bawah program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini disyaratkan untuk membuat kutipan sebanyak RM0.20 bagi setiap unit beg plastik yang dibekalkan kepada pelanggan.
- (ii) Kutipan terkumpul bagi penggunaan beg plastik di premis perniagaan terlibat dengan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor perlu diserahkan kepada PBT **sebelum 15 haribulan** melalui pilihan opsyen seperti berikut: -

Opsyen 1: Serahan sekali setiap bulan;

Opsyen 2: Serahan sekali setiap dua (2) bulan;

Opsyen 3: Serahan sekali setiap tiga (3) bulan; atau

Opsyen 4: Serahan sekali setiap enam (6) bulan.

- (ii) Jumlah kutipan RM0.20 sen beg plastik hendaklah diserahkan kepada PBT dalam tempoh **selewat-lewatnya pada 15 Januari dan 15 Julai setiap tahun semasa** (sekiranya memilih **Opsyen 4:** serahan sekali setiap enam bulan). Serahan hendaklah dibuat mengikut waktu operasi PBT.
- (iii) Kutipan boleh diserahkan secara tunai atau cek, bank deraf, pindahan elektronik, kad debit / kredit atau lain-lain kaedah yang diperakukan PBT beserta **borang CPBP-B (rujuk Lampiran C)**.
- (iii) Resit dari PBT akan dikeluarkan sebagai bukti penerimaan serahan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan kutipan juga dijadikan syarat memperbaharui lesen premis perniagaan.
- (iv) Premis perniagaan yang mempunyai lebih dari satu cawangan dibenarkan membuat serahan secara bersekali mengikut kawasan PBT masing-masing. Walau bagaimanapun, **borang CPBP-B** mestilah diisi berasingan mengikut setiap premis yang didaftarkan.

Contoh:

Syarikat X mempunyai lima (5) cawangan iaitu A,B,C,D dan E. Cawangan A, B dan C beroperasi di kawasan MBSA dan cawangan D dan E beroperasi di kawasan MPSJ.

Serahan kutipan bagi cawangan A, B dan C perlu dibuat kepada MBSA menggunakan **tiga (3) borang CPBP-B** bagi setiap cawangan dan boleh disertakan penyerahan jumlah kutipan secara sekaligus bagi ketiga-tiga cawangan A, B dan C tersebut. Kaedah yang sama boleh digunapakai bagi serahan di MPSJ.

5.3 PENGECUALIAN KUTIPAN

- (i) Premis perniagaan yang telah berdaftar di bawah inisiatif ini tetapi **tidak** membekalkan beg plastik kepada pengguna dikehendaki menyerahkan **BORANG CPBP-C (rujuk Lampiran D)** dengan **perakuan TIADA KUTIPAN**.
- (ii) Premis perniagaan yang menyerahkan **BORANG CPBP-C** dengan perakuan TIADA KUTIPAN selama **tiga (3) bulan** berturut-turut layak memohon kepada PBT untuk **pengecualian** daripada membuat serahan kutipan secara bulanan untuk bulan-bulan yang berikutnya.
- (iii) Semakan dan siasatan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian kutipan bagi tujuan pengesahan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.
- (iv) Premis perniagaan yang telah diperakukan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna akan diberikan **SIJIL PERAKUAN PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR (SIJIL CPBP-2, rujuk Lampiran E)** dengan syarat mengembalikan semula sijil **CPBP-1**.
- (v) Premis perniagaan yang telah diberikan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR tidak lagi dibenarkan membekal beg plastik dan membuat kutipan RM0.20 kepada pengguna.
- (vi) SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan apabila telah tamat tempoh dan sijil boleh dibatalkan sekiranya premis perniagaan gagal mematuhi syarat seperti di para 5.3 (v).

6. KAEDAH KUTIPAN

6.1 TATACARA KUTIPAN

- (i) Kutipan sebanyak RM0.20 bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan kepada pelanggan di premis perniagaan semasa membuat bayaran dibenarkan untuk dikenakan ke atas setiap pemilik lesen yang telah berdaftar dengan PBT.
- (ii) Kutipan RM0.20 sen bagi beg plastik hendaklah diserahkan kepada PBT tidak boleh melebihi tempoh **enam (6) bulan** setiap tahun.
- (iii) **Borang CPBP-B (Rujuk Lampiran C)** yang lengkap diisi, perlu disediakan semasa membuat proses serahan /pembayaran di PBT masing-masing.
- (iv) Bayaran boleh dibuat di kaunter PBT masing-masing pada waktu pejabat secara tunai, cek atau Bank Draft atas nama **Pihak Berkuasa Tempatan** mengikut kawasan lesen yang didaftarkan.
- (v) ***Premis yang mempunyai lebih dari satu cawangan di satu-satu PBT dibenarkan membuat serahan secara tunai atau menggunakan satu cek secara bersekali di atas nama PBT tersebut.*** Walau bagaimanapun, **BORANG CPBP-B** masih perlu diisi mengikut premis yang didaftarkan bersama-sama surat iringan bagi makluman PBT tersebut.
 - ***Serahan caj tersebut tidak dibenarkan diterima di PBT lain.***
- (vi) Resit akan dikeluarkan oleh PBT semasa pemilik lesen membuat serahan kutipan sebagai bukti penerimaan. Resit bayaran tersebut perlu dilampirkan bersama-sama proses pembaharuan lesen perniagaan di PBT masing-masing.
- (vii) PBT hendaklah menyalurkan jumlah kutipan beg plastik melalui pindahan wang (EFT) atau cek atas nama "**BENDAHARI NEGERI SELANGOR**" (pada waktu bekerja) kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN dan salinan kepada Pejabat Bendahari Negeri Selangor selewat-lewatnya pada **16 haribulan Julai tahun semasa dan 16 Januari tahun selanjutnya**. Jumlah penyaluran kutipan caj beg plastik adalah seperti berikut: -
 - a) **60% dari jumlah keseluruhan kutipan** adalah disalurkan kepada "TABUNG AMANAH KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR"; dan

b) **40% dari jumlah keseluruhan kutipan** adalah disalurkan kepada "TABUNG AMANAH KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK" di PBT masing-masing.

(viii) Jumlah kutipan yang diterima oleh PBT akan diserahkan kepada pihak **Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN** bersama-sama bukti penyaluran dan laporan jumlah kutipan (**Rujuk Lampiran G**) sebagai dokumen sokongan.

6.2 PENGECUALIAN PELAKSANAAN

Pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini dikecualikan untuk dikenakan terhadap peniaga seperti berikut: -

i) Para penjaja - termasuklah penjaja di pasar awam/ pasar pagi/ pasar malam / pasar basah.

7. PENUTUP

7.1 Garis Panduan Pentadbiran Kutipan Caj Beg Plastik Dalam Negeri Selangor ini diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Kerajaan Negeri Selangor berhak meminda atau menambahbaik garis panduan ini dari semasa ke semasa.

BORANG CPBP-A



PENDAFTARAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR

1. NAMA PERNIAGAAN:

2. NO. PENDAFTARAN :
 PERNIAGAAN

3. NO. RUJUKAN LESEN:

4. ALAMAT PREMIS :

5. PEGAWAI UNTUK :
 DIHUBUNGI

6. NO. TELEFON : 7. NO. FAX :

8. E-MEL :

9. JENIS PENDAFTARAN : PENDAFTARAN KALI PERTAMA PEMBAHARUAN
 (SILA TANDAKAN ✓)

10. NO. PENDAFTARAN :
 (UNTUK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SAHAJA)

11. KOD JENIS PREMIS* :
 (Jika kod jenis E, sila nyatakan jenis/aktiviti premis):

*KOD JENIS PREMIS	
A	Pasaraya Besar (Hyper / Super Market)
B	Pasaraya / Pasar Mini / Kedai Serbaneka / Kedai Rangkaian
C	Restoran / Kafe / Kedai Makan
D	Farmasi / Barangan Kesihatan / Penjagaan Diri
E	Lain-lain (selain A – D)

Untuk Kegunaan Pejabat:

NO. PENDAFTARAN :

NO. SIRI SIJIL :

TARIKH TAMAT PENDAFTARAN: / /

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

CONTOH

SIJIL CPBP - 1

NO. SIRI :



**SIJIL PENYERTAAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2020**

NAMA PERNIAGAAN : **SYARIKAT XYZ**

NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN : **P12345678**

ALAMAT PREMIS : **NO. 1, JALAN SBBC 2,
PUSAT PERNIAGAAN SUNGAI BESAR,
45300 SUNGAI BESAR**

NO. RUJUKAN LESEN : **7A / 005 / 2018**


NO. PENDAFTARAN : **MDSB 0001 C**

KOD JENIS PREMIS : **C**

TARIKH SAH SIJIL : **1 JANUARI 2020 – 31 DISEMBER 2020**

SUKACITA DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS INI MERUPAKAN PESERTA PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR. KUTIPAN RM0.20 SEN YANG DIKENAKAN BAGI PENGGUNAAN SETIAP UNIT BEG PLASTIK KE ATAS PELANGGAN AKAN DISALURKAN KE AKAUN TABUNG AMANAH DI BAWAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR BAGI TUJUAN PROGRAM DAN AKTIVITI BERKAITAN ALAM SEKITAR.

SEKIAN, TERIMA KASIH.



CONTOH

BORANG CPBP - B



**BORANG SERAHAN KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI BAWAH PROGRAM
KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN**

1. NAMA PERNIAGAAN :

2. NO. PENDAFTARAN :

3. NO. RUJUKAN LESEN :

4. KUTIPAN UNTUK TEMPOH BULAN

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(Tandakan ✓ pada bulan yang berkenaan. Kutipan hendaklah diserahkan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan, iaitu tidak lewat 15 Januari dan 15 Julai setiap tahun semasa)

5. JUMLAH SERAHAN : RM

6. PERAKUAN :

SAYA DENGAN INI MEMBUAT PERAKUAN BAHAWA SEGALA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN DI BORANG INI ADALAH BENAR DAN TIADA MANIPULASI DARI SEGI JUMLAH KUTIPAN SEBENAR SERTA SERAHAN YANG DIBUAT OLEH PIHAK SAYA KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN. SAYA MEMAHAMI BAHAWA TINDAKAN WAJAR DI BAWAH PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN KE ATAS SAYA JIKA TERDAPAT UNSUR PENIPUAN ATAU PENYELEWENGAN BERHUBUNG KUTIPAN DAN SERAHAN KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK INI.

TARIKH:

.....
**TANDATANGAN PEMILIK / PENGURUS
PERNIAGAAN & COP RASMI**

Untuk Kegunaan Pejabat:

NO. PENDAFTARAN :

BULAN :

JUMLAH SERAHAN : RM

NO. RESIT :



BORANG PENGESAHAN DAN PERMOHONAN SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR

1. NAMA PERNIAGAAN: [grid]

2. NO. PENDAFTARAN : [grid]

3. NO. RUJUKAN LESEN: [grid]

4. ALAMAT PREMIS : [grid]

5. NO. TELEFON :

6. PERAKUAN TIADA KUTIPAN :

SAYA BAGI PIHAK SYARIKAT/PREMIS MEMBUAT AKUAN BAHAWA PREMIS YANG BERDAFTAR DI ATAS TIDAK MEMBEKALKAN BEG PLASTIK DALAM SETIAP TRANSAKSI YANG DIJALANKAN DAN DENGAN DEMIKIAN TIDAK MEMBUAT APA-APA KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK. SEBARANG PERUBAHAN DALAM TRANSAKSI SEKIRANYA MELIBATKAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK PADA MASA HADAPAN AKAN DIMAKLUMKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN.

TARIKH:

TANDATANGAN PEMILIK / PENGURUS PERNIAGAAN & COP RASMI

Untuk Kegunaan Pejabat:

TARIKH LAWATAN KE PREMIS : [grid] hari [grid] bulan [grid] tahun

SYOR PEGAWAI PEMERIKSA : LULUS / GAGAL / TANGGUH

PEGAWAI PEMERIKSA :

PEGAWAI PELULUS :

TANDATANGAN & COP RASMI

TANDATANGAN & COP RASMI

NO. SIRI SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK :

CONTOH

SIJIL CPBP – 2



NO. SIRI :

**SIJIL PERAKUAN PREMIS BEBAS BEG PLASTIK
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN _____**

NAMA PERNIAGAAN :


NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN :

ALAMAT PREMIS :

NO PENDAFTARAN
PREMIS :


TARIKH SAH SIJIL :

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS PERNIAGAAN YANG
TERTERA DI ATAS ADALAH DIPERAKUKAN SEBAGAI **PREMIS BEBAS
BEG PLASTIK**. SEHUBUNGAN ITU, **TIADA BEG PLASTIK AKAN
DIBEKALKAN** UNTUK SEBARANG TRANSAKSI DI PREMIS INI.



PANDUAN KOD PENDAFTARAN

Contoh:



(CONTOH)

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
JALAN BUKIT KERAJAAN
44000 KUALA KUBU BHARU**

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40592 SHAH ALAM,
SELANGOR.

TUAN,

**LAPORAN KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) BAGI BULAN JANUARI
HINGGA JUN 2020**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk,

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak PBT telah menerima wang kutipan caj beg plastik bagi bulan Januari sehingga yang berjumlah sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.....) dari sebanyak bilangan premis yang telah berdaftar di bawah Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor.
3. Sehubungan dengan itu, diserahkan jumlah kutipan sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.....) kepada “Tabung Amanah Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor” iaitu sebanyak 60 peratus dari jumlah terimaan kutipan manakala selebihnya 40 peratus dari jumlah terimaan kutipan akan disalurkan ke dalam Akaun Amanah Kutipan Beg Plastik di PBT ini. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen sokongan untuk rujukan tuan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SELANGOR MAJU BERSAMA”**

Yang menjalankan amanah

(.....)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Hulu Selangor




NOTIS PEMBERITAHUAN

Premis ini tidak membekalkan beg plastik sekali guna secara percuma. Pengguna digalakkan membawa sendiri beg guna semula.

(This premises do not supply a single-use plastic bag for free. Users are encouraged to bring their own reusable bag.)



CARTA ALIR KAEDAH PENYERAHAN JUMLAH KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan bagi pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan bagi pematuhan kepada semua premis perniagaan yang dikategorikan terlibat dengan pelaksanaan kempen tersebut. Tatacara ini juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepadu dan holistik.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Selangor amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan negatif terhadap alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negeri.
- 2.2 Jemaah Menteri telah meluluskan Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030 pada 10 Oktober 2018 dan telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018 bertujuan menangani masalah alam sekitar khususnya berpunca dari pencemaran dari plastik sekali guna termasuklah beg plastik bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat.
- 2.3 Dasar ini menggariskan perancangan dan usaha kerajaan pusat ke arah sifar plastik sekali guna untuk persekitaran Malaysia yang bersih dan sihat menjelang tahun 2030. Perlaksanaan dasar ini selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena dan straw plastik melalui kempen-kempen yang telah dilancarkan.
- 2.4 Penggunaan beg plastik tanpa kawalan mampu memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. Beg plastik mengambil masa yang sangat lama untuk mereput sepenuhnya sebelum ia menjadi partikel halus. Beg plastik juga umumnya dihasilkan dari bahan kimia bertoksik yang mampu memudaratkan alam sekitar dan kesihatan. Justeru itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah diperkenalkan di Negeri Selangor sebagai salah satu usaha berterusan kerajaan Negeri Selangor dalam mengawal dan mengurangkan penggunaan beg plastik.
- 2.5 Kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor seawal Januari 2010 dengan pelaksanaan pada hari terpilih iaitu

setiap hari Sabtu. Kempen ini telah ditambah baik dengan pelaksanaan "Hari Tanpa Beg Plastik" selama 7 hari seminggu yang bermula mulai 1 Januari 2017. Kempen ini masih diteruskan di seluruh Negeri Selangor dengan pelaksanaan kutipan caj beg plastik oleh premis-premis perniagaan kepada pengguna beg plastik.

2.6 Penyediaan Garis Panduan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepadu dan holistik. Garis panduan yang disediakan akan berfungsi sebagai panduan dan rujukan bagi pelaksanaan kempen ini secara teratur dan seragam.

2.7 OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan kutipan caj beg plastik melalui Program Kutipan Caj Beg Plastik Di Negeri Selangor adalah bertujuan:-

- (i) Mengurangkan penggunaan beg plastik melalui perwujudan premis-premis perniagaan yang tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna;
- (ii) Meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan terhadap orang awam terhadap bahaya pencemaran bahan plastik serta menjadikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
- (iii) Bagi mewujudkan Negeri Selangor yang bersih, sihat dan mesra alam sekitar.

3. KONSEP DAN PRINSIP

3.1 Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini akan mengunapakai prinsip dan konsep yang masih mengekalkan kutipan 20 sen bagi setiap unit beg plastik yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran premis-premis perniagaan yang ditetapkan. Jumlah kutipan beg plastik tersebut akan diserahkan oleh premis-premis perniagaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kutipan terkumpul seterusnya disalurkan ke Akaun Tabung Amanah Kerajaan Negeri Selangor dan Akaun Tabung Amanah yang ditetapkan di PBT masing-masing bagi kegunaan program-program berkaitan alam sekitar di negeri Selangor.

3.2 Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk beg yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran, di mana komponen asasnya diperbuat daripada

plastik (polimer sintetik/semi sintetik) dan juga termasuk beg plastik bio-degradasi (*bio-degradable plastic bag*). Plastik bagi pembungkusan (*wrapper*) produk minuman/makanan termasuklah bagi tujuan pembungkusan makanan basah (seperti ikan dan ayam) tidak termasuk sebagai kategori beg plastik yang dikenakan kutipan RM0.20 sen dalam pelaksanaan kutipan ini.

- 3.3 Melalui pelaksanaan kutipan ini, pengguna adalah diberi kesedaran dan digalakkan untuk membawa beg sendiri ketika membeli belah bagi mengurangkan penggunaan beg plastik yang berisiko memberi kesan pencemaran alam sekitar. Premis-premis perniagaan juga digalakkan menggunakan beg yang diperbuat dari selain plastik seperti beg kertas.
- 3.4 Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan kepada pengguna adalah **tidak termasuk** di dalam nilai kutipan RM0.20 sen ini. Walau bagaimanapun, kutipan RM0.20 sen beg plastik ini **tidak dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)**.

4. PUNCA KUASA

- 4.1 Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini dilaksanakan melalui syarat tambahan yang dikenakan di dalam syarat lesen atau permit perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:-

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

- 4.2 Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mensyaratkan premis perniagaan supaya turut serta dalam Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor.

5. KAEDAH PERLAKSANAAN

5.1 PENDAFTARAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR

- (i) Premis perniagaan yang wajib berdaftar dengan pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu dalam kategori seperti berikut:-

- (a) Pasar raya besar (*Supermarket/Hypermarket*);
 - (b) Pasar raya / pasar mini / kedai serbaneka / kedai rangkaian;
 - (c) Restoran / kafeteria / kedai makan;
 - (d) Farmasi / barangan kesihatan / penjagaan diri; dan
 - (e) Lain-lain (selain (a)-(d)); contoh: kedai aksesori / kedai pakaian, dll).
- (ii) Pelaksanaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini dikecualikan untuk dikenakan terhadap peniaga seperti berikut: -
- (a) Para penjaja - termasuklah penjaja di pasar awam/ pasar pagi/ pasar malam / pasar basah.
- (iii) Premis perniagaan bagi kategori seperti di para 5.1 (ii) perlu membuat pendaftaran Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor **melalui borang CPBP-A (rujuk Lampiran A)**. Bagi premis yang **tidak membekalkan beg plastik** dikehendaki memperakukannya melalui borang **CPBP-C (rujuk Lampiran D)**. Premis perniagaan yang berkenaan hendaklah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut kawasan pentadbiran masing-masing seperti berikut: -

(a) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

Tingkat 1, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran
40706 Shah Alam, Selangor

(b) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya, Selangor

(c) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

Persiaran Perpaduan, Jalan USJ 5
47610, Subang Jaya, Selangor

(d) Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

Persiaran 3 Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor

- (e) Majlis Perbandaran Klang (MPK)**
Bangunan Sultan Alam Shah, Jalan Perbandaran,
41675 Klang Bandar Diraja, Selangor

- (f) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)**
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur

- (g) Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)**
Persiaran Semarak Api, Cyber 1,
63200 Cyberjaya, Selangor

- (h) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)**
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor, Selangor

- (i) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)**
Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor

- (j) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)**
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah
42700 Banting, Kuala Langat, Selangor

- (k) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)**
45300 Sungai Besar, Selangor

- (l) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)**
Menara MPKj Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor

Nota: Masa pendaftaran adalah setiap **ISNIN hingga JUMAAT** dari jam **9.00 pagi hingga 4.30 petang**.

- (iv) Tempoh pendaftaran bermula pada **1 Disember hingga 31 Disember 2019**. Notis peringatan akan dikeluarkan bagi pendaftaran yang lewat dan bagi yang premis yang masih belum berdaftar, tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan kerana ingkar arahan notis.

- (v) Bagi premis yang tidak berlesen dan ingin memohon lesen perniagaan, pendaftaran ini akan terus dilaksanakan semasa proses permohonan dibuat kepada PBT.

- (vi) Setiap pendaftaran perlu menggunakan Borang **CPBP-A** dan disertakan bersama sesalinan Lesen Perniagaan atau Borang Permohonan Lesen Perniagaan (untuk permohonan baru lesen perniagaan).
- (vii) Setiap premis perniagaan yang berdaftar akan diberikan nombor pendaftaran dan perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor.
- (viii) Nombor pendaftaran yang diberikan adalah **KEKAL** selagi premis perniagaan tersebut masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat semula sekiranya perniagaan berpindah tempat.
- (ix) Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan satu sijil penyertaan Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor (**SIJIL CPBP-1, rujuk Lampiran B**) yang menghendaki premis perniagaan membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap unit beg plastik yang dibekalkan di kaunter bayaran kepada pengguna.
- (x) Sijil penyertaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor adalah eksklusif kepada satu-satu premis perniagaan sahaja dan tidak boleh dipinjam atau dipindah milik kepada mana-mana perniagaan atau premis lain.
- (xi) Sijil Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor **WAJIB** dipamerkan dengan jelas dan mudah dilihat oleh pengguna/pelanggan sebagai bukti kebenaran untuk membuat kutipan RM0.20 sen bagi setiap unit beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna/pelanggan.
- (xii) Premis perniagaan yang membuat kutipan tanpa berdaftar dengan PBT boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana lesen perniagaan premis tersebut boleh dibatalkan.
- (xiii) Pendaftaran ini hendaklah diselaraskan bersekali dengan tempoh lesen perniagaan dan hendaklah diperbaharui setiap kali tamat tempoh lesen.

- (xiv) Setiap premis yang berdaftar dengan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor hendaklah memaparkan **Notis Pemberitahuan (Rujuk Lampiran F)** di kaunter premis masing-masing bagi memberi maklumat kepada pelanggan /pengguna mengenai kutipan ini.

5.2 KAEDAH PELAKSANAAN KUTIPAN

- (i) Setiap premis perniagaan yang telah berdaftar di bawah program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor ini disyaratkan untuk membuat kutipan sebanyak RM0.20 bagi setiap unit beg plastik yang dibekalkan kepada pelanggan.
- (ii) Kutipan terkumpul bagi penggunaan beg plastik di premis perniagaan terlibat dengan Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor perlu diserahkan kepada PBT **sebelum 15 haribulan** melalui pilihan opsyen seperti berikut: -
 - Opsyen 1:** Serahan sekali setiap bulan;
 - Opsyen 2:** Serahan sekali setiap dua (2) bulan;
 - Opsyen 3:** Serahan sekali setiap tiga (3) bulan; atau
 - Opsyen 4:** Serahan sekali setiap enam (6) bulan.
- (ii) Jumlah kutipan RM0.20 sen beg plastik hendaklah diserahkan kepada PBT dalam tempoh **selewat-lewatnya pada 15 Januari dan 15 Julai setiap tahun semasa** (sekiranya memilih **Opsyen 4:** serahan sekali setiap enam bulan). Serahan hendaklah dibuat mengikut waktu operasi PBT mengikut kawasan premis perniagaan didaftarkan di PBT masing-masing.
- (iii) Kutipan boleh diserahkan secara tunai atau cek, bank deraf, pindahan elektronik, kad debit / kredit atau lain-lain kaedah yang diperakukan PBT masing-masing beserta **borang CPBP-B (rujuk Lampiran C)**.
- (iii) Resit dari PBT akan dikeluarkan sebagai bukti penerimaan serahan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan kutipan juga dijadikan syarat memperbaharui lesen premis perniagaan.
- (iv) Premis perniagaan yang mempunyai lebih dari satu cawangan dibenarkan membuat serahan secara bersekali mengikut kawasan PBT

masing-masing. Walau bagaimanapun, **borang CPBP-B** mestilah diisi berasingan mengikut setiap premis yang didaftarkan.

Contoh:

Syarikat X mempunyai lima (5) cawangan iaitu A,B,C,D dan E. Cawangan A, B dan C beroperasi di kawasan MBSA dan cawangan D dan E beroperasi di kawasan MPSJ.

Serahan kutipan bagi cawangan A, B dan C perlu dibuat kepada MBSA menggunakan **tiga (3) borang CPBP-B** bagi setiap cawangan dan boleh disertakan penyerahan jumlah kutipan secara sekaligus bagi ketiga-tiga cawangan A, B dan C tersebut. Kaedah yang sama boleh digunapakai bagi serahan di MPSJ.

5.3 PENGECUALIAN KUTIPAN

- (i) Premis perniagaan yang telah berdaftar di bawah inisiatif ini tetapi **tidak** membekalkan beg plastik kepada pengguna dikehendaki menyerahkan **BORANG CPBP-C (rujuk Lampiran D)** dengan **perakuan TIADA KUTIPAN**.
- (ii) Premis perniagaan yang menyerahkan **BORANG CPBP-C** dengan perakuan TIADA KUTIPAN selama **tiga (3) bulan** berturut-turut layak memohon kepada PBT untuk **pengecualian** daripada membuat serahan kutipan secara bulanan untuk bulan-bulan yang berikutnya.
- (iii) Semakan dan siasatan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian kutipan bagi tujuan pengesahan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.
- (iv) Premis perniagaan yang telah diperakukan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna akan diberikan **SIJIL PERAKUAN PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR (SIJIL CPBP-2, rujuk Lampiran E)** dengan syarat mengembalikan semula sijil **CPBP-1**.
- (v) Premis perniagaan yang telah diberikan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR tidak lagi dibenarkan membekal dan membuat kutipan RM0.20 kepada pengguna.
- (vi) SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan apabila telah tamat tempoh dan

sijil boleh dibatalkan sekiranya premis perniagaan gagal mematuhi syarat seperti di para 5.3 (v).

6. PENUTUP

- 6.1 Garis Panduan Pelaksanaan Kutipan Caj Beg Plastik Dalam Negeri Selangor ini diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Kerajaan Negeri Selangor berhak meminda atau menambahbaik garis panduan ini dari semasa ke semasa.



PENDAFTARAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR

1. NAMA PERNIAGAAN:

2. NO. PENDAFTARAN :
 PERNIAGAAN

3. NO. RUJUKAN LESEN:

4. ALAMAT PREMIS :

5. PEGAWAI UNTUK :
 DIHUBUNGI

6. NO. TELEFON : 7. NO. FAX :

8. E-MEL :

9. JENIS PENDAFTARAN : PENDAFTARAN KALI PERTAMA PEMBAHARUAN
 (SILA TANDAKAN ✓)

10. NO. PENDAFTARAN :
 (UNTUK PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SAHAJA)

11. KOD JENIS PREMIS* :
 (Jika kod jenis E, sila nyatakan jenis/aktiviti premis):

*KOD JENIS PREMIS	
A	Pasaraya Besar (Hyper / Super Market)
B	Pasaraya / Pasar Mini / Kedai Serbaneka / Kedai Rangkaian
C	Restoran / Kafe / Kedai Makan
D	Farmasi / Barangan Kesihatan / Penjagaan Diri
E	Lain-lain (selain A – D)

Untuk Kegunaan Pejabat:

NO. PENDAFTARAN :

NO. SIRI SIJIL :

TARIKH TAMAT PENDAFTARAN: / /

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

CONTOH

SIJIL CPBP - 1

NO. SIRI :



**SIJIL PENYERTAAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2020**

NAMA PERNIAGAAN : **SYARIKAT XYZ**

NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN : **P12345678**

ALAMAT PREMIS : **NO. 1, JALAN SBBC 2,
PUSAT PERNIAGAAN SUNGAI BESAR,
45300 SUNGAI BESAR**

NO. RUJUKAN LESEN : **7A / 005 / 2018**

NO. PENDAFTARAN : **MDSB 0001 C**

KOD JENIS PREMIS : **C**

TARIKH SAH SIJIL : **1 JANUARI 2020 – 31 DISEMBER 2020**

SUKACITA DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS INI MERUPAKAN PESERTA PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR. KUTIPAN RM0.20 SEN YANG DIKENAKAN BAGI PENGGUNAAN SETIAP UNIT BEG PLASTIK KE ATAS PENGGUNA / PELANGGAN AKAN DISALURKAN KE AKAUN TABUNG AMANAH DI BAWAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR BAGI TUJUAN PROGRAM DAN AKTIVITI BERKAITAN ALAM SEKITAR.

SEKIAN, TERIMA KASIH





**BORANG PENGESAHAN DAN PERMOHONAN SIJIL
PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR**

1. NAMA PERNIAGAAN:

2. NO. PENDAFTARAN :

3. NO. RUJUKAN LESEN:

4. ALAMAT PREMIS :

5. NO. TELEFON :

6. PERAKUAN TIADA KUTIPAN :

SAYA BAGI PIHAK SYARIKAT/PREMIS MEMBUAT AKUAN BAHAWA PREMIS YANG BERDAFTAR DI ATAS **TIDAK MEMBEKALKAN BEG PLASTIK** DALAM SETIAP TRANSAKSI YANG DIJALANKAN DAN DENGAN DEMIKIAN **TIDAK MENGENAKAN APA-APA KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK**. SEBARANG PERUBAHAN DALAM TRANSAKSI SEKIRANYA MELIBATKAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK PADA MASA HADAPAN AKAN DIMAKLUMKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN.

TARIKH:

.....
**TANDATANGAN PEMILIK / PENGURUS
PERNIAGAAN & COP RASMI**
.....

Untuk Kegunaan Pejabat:

TARIKH LAWATAN KE PREMIS :
hari bulan tahun

SYOR PEGAWAI PEMERIKSA :
LULUS / GAGAL / TANGGUH

PEGAWAI PEMERIKSA :

PEGAWAI PELULUS :

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

NO. SIRI SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK :

CONTOH

SIJIL CPBP – 2



NO. SIRI :

**SIJIL PERAKUAN PREMIS BEBAS BEG PLASTIK
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN _____**

NAMA PERNIAGAAN :

NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN :

ALAMAT PREMIS :

NO PENDAFTARAN
PREMIS :

TARIKH SAH SIJIL :

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS PERNIAGAAN YANG
TERTERA DI ATAS ADALAH DIPERAKUKAN SEBAGAI **PREMIS BEBAS
BEG PLASTIK**. SEHUBUNGAN ITU, **TIADA BEG PLASTIK AKAN
DIBEKALKAN** UNTUK SEBARANG TRANSAKSI DI PREMIS INI.





NOTIS PEMBERITAHUAN

Premis ini tidak membekalkan beg plastik sekali guna secara percuma. Pengguna digalakkan membawa sendiri beg guna semula.

(This premises do not supply a single-use plastic bag for free. Users are encouraged to bring their own reusable bag.)



CARTA ALIR KAEDAH PENDAFTARAN BAGI PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR (PENDAFTARAN DI PBT)

1. Setiap premis perniagaan hendaklah mengisi dan menghantar **Borang CPBP-A – Borang Program Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor** (seperti di Lampiran A) kepada PBT di kawasan perniagaan masing-masing. Setiap cawangan perniagaan hendaklah turut didaftarkan mengikut PBT masing-masing. Pendaftaran (pembaharuan) hendaklah dilakukan setiap tahun.

2. Premis perniagaan akan menerima **Sijil CPBP-1 – Sijil Penyertaan Program Kutipan Caj Beg Plastik Di Negeri Selangor** (Seperti di Lampiran B) bagi tahun semasa. Sijil ini hendaklah dipamerkan di kaunter pembayaran premis perniagaan.

3. Setiap premis perniagaan hendaklah mempamerkan **Notis Pemberitahuan** berkenaan larangan pemberian beg plastik secara percuma (Seperti di Lampiran F) di kaunter pembayaran atau bahagian yang mudah dilihat oleh pelanggan.

**CARTA ALIR KAEDAH SERAHAN JUMLAH KUTIPAN BAGI PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK
DI NEGERI SELANGOR (SERAHAN DI PBT)**

1. Setiap premis perniagaan hendaklah mengisi dan menghantar **Borang CPBP-B – Borang Serahan Kutipan Caj Beg Plastik** (seperti di Lampiran C) kepada PBT kawasan perniagaan masing-masing. Setiap cawangan perniagaan hendaklah membuat serahan mengikut PBT masing-masing.

2. Jumlah kutipan hendaklah diserahkan kepada PBT yang berkenaan sebelum **15 haribulan** melalui pilihan opsyen seperti berikut: -

Opsyen 1: Serahan sekali setiap bulan;
Opsyen 2: Serahan sekali setiap dua (2) bulan;
Opsyen 3: Serahan sekali setiap tiga (3) bulan; atau
Opsyen 4: Serahan sekali setiap enam (6) bulan.

Jumlah kutipan boleh diserahkan secara tunai atau cek, bank deraf, pindahan elektronik, kad debit / kredit atau lain-lain kaedah yang diperakukan PBT masing-masing bersama **Borang CPBP-B** (pada waktu bekerja).

3. PBT akan mengeluarkan resit sebagai bukti penerimaan serahan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan kutipan akan dijadikan syarat memperbaharui lesen premis perniagaan.

**CARTA ALIR KAEDAH PENGECUALIAN KUTIPAN BAGI PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK
NEGERI SELANGOR**

(Premis perniagaan yang berdaftar di bawah inisiatif ini tetapi tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna)

